



# Koperasi Perkasa Ekonomi Belia

Azmaliza Arifin  
Pusat Konsultasi dan Penyelidikan

Ekonomi Malaysia diramalkan mengalami pertumbuhan lebih rendah berbanding pencapaian pada tahun 2014, iaitu sekitar lima peratus hingga 5.5 peratus bagi tahun 2015. Hal ini sememangnya dipengaruhi oleh cabaran persekitaran luaran ekonomi yang tidak menentu serta pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) enam peratus pada bulan April 2015. Selaras dengan agenda transformasi negara dalam melonjakkan lagi sumbangan sektor koperasi kepada pertumbuhan ekonomi negara untuk memastikan koperasi terus diberi peluang yang saksama untuk menceburi pelbagai bidang perniagaan yang baharu dan meningkatkan rantai nilai sedia ada. Ini bertujuan untuk memastikan gerakan koperasi turut sama menyumbang kepada kestabilan ekonomi negara.

Dalam agenda pemerkasaan ekonomi, koperasi menjadi salah satu saluran pembangunan dan pengukuhan untuk memperluaskan aktiviti perniagaan koperasi. Pelancaran Dasar Koperasi Negara (DKN), 2011-2020 oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak memperlihatkan komitmen kerajaan untuk mengiktiraf gerakan koperasi sebagai wadah penyumbang yang signifikan kepada pembangunan ekonomi negara. Dasar ini menggariskan objektif jangka pendek iaitu untuk meningkatkan kefahaman berkoperasi dalam kalangan masyarakat untuk menjadikan koperasi sebagai organisasi yang mampu membantu menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara dan pembangunan sosial. Manakala objektif jangka panjang pula adalah menjadikan gerakan koperasi sebagai wahana yang berdaya saing dan mapan untuk menyumbang ke arah usaha pembasmian kemiskinan, mewujudkan peluang

pekerjaan dan perniagaan serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat berdasarkan prinsip koperasi.

Tahun 2009 merupakan titik permulaan anjakan baharu transformasi sosioekonomi negara, menerusi Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKRA), selain kerajaan turut memperkenalkan Model Baru Ekonomi (MBE) pada tahun 2010 untuk memastikan Malaysia mencapai status negara maju dan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020. Ini merupakan cabaran baru kepada sektor koperasi agar memainkan peranan yang lebih berkesan dalam meningkatkan taraf hidup anggota dan membantu negara dalam merealisasikan agenda pembangunan negara. Kerajaan melihat kewujudan koperasi sebagai pendekatan yang ampuh dalam membantu masyarakat meningkatkan pendapatan dan sosioekonomi mereka.

## Setiap lapisan masyarakat dan komuniti perlu menubuhkan koperasi bagi memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup masing-masing

### Pembudayaan Koperasi di Malaysia

Malaysia perlu mengorak langkah dalam memperkasakan penubuhan koperasi dengan menyasarkan masyarakat untuk menerima koperasi sebagai amalan hidup. Setiap lapisan masyarakat dan komuniti perlu menubuhkan koperasi bagi memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup masing-masing. Selain itu, untuk meningkatkan pembudayaan koperasi dalam kalangan masyarakat di negara ini, pelbagai program dijalankan, antaranya Seminar Kesedaran Berkoperasi, Pembudayaan Keusahawanan Koperasi Sekolah, Santai Anak Muda Berkoperasi, Majlis Perjumpaan Pemimpin bersama Komuniti termasuk persatuan belia, persatuan wanita, jawatankuasa kariah masjid dan persatuan penduduk. Pada tahun 2010, program 1Komuniti 1Koperasi telah digerakkan untuk memastikan agar 50 peratus penduduk di negara ini menceburi gerakan koperasi. Program ini telah menyasarkan penglibatan masyarakat dalam pelbagai kegiatan koperasi bagi meningkatkan taraf sosioekonomi.

Di samping itu, penubuhan koperasi di peringkat pelajar sekolah dan golongan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam mahupun swasta juga merupakan platform terbaik untuk melatih pelajar dengan amalan perniagaan sebenar dan menitikberatkan keperluan untuk menjadi usahawan. Pada masa yang sama, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) juga mendapat kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan serta badan bukan kerajaan (NGO) seperti Majlis Belia Malaysia (MBM) bagi melibatkan golongan belia dalam aktiviti koperasi sebagai platform untuk menjalankan perniagaan.

### Isu Belia di Malaysia

Pada masa kini, belia merupakan generasi pemimpin Negara yang akan menentukan kelangsungan negara dan bangsa pada masa hadapan. Menurut Dasar Pembangunan Belia Negara, takrif "belia" ialah mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun (Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006). Untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mula menyemak semula Dasar Pembangunan Belia Negara (1997) dan telah bersedia untuk meminda takrifan belia dengan mengehendakkan umur kepada 15-30 tahun. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2014, seramai 9.1 juta atau 30 peratus dari penduduk di Malaysia adalah belia yang berumur 15-30 tahun. Berdasarkan peratusan populasi yang lebih kecil ini akan membolehkan objektif penganjuran program belia oleh kerajaan dapat difokuskan serta dijamin keberkesannya termasuk program-program yang bercorak kepimpinan. Kerajaan sentiasa menghargai dan mengiktiraf peranan serta sumbangan golongan belia dan pertubuhan belia dalam pembangunan negara.

Ramai di antara kita yang terdiri daripada golongan belia yang merupakan golongan yang menyumbang

perbelanjaan yang besar dalam aktiviti ekonomi. Sehubungan itu, pengurusan kewangan yang cekap membolehkan generasi belia hidup dalam keadaan sejahtera dan terurus. Pada tahun 2011, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah menjalankan kajian berhubung dengan pengukuhan ekonomi generasi belia. Di antara dapatan kajian yang telah dijalankan menyatakan bahawa bagi mengatasi masalah ini, 49 peratus belia terfikir untuk melakukan kerja sampingan manakala 33 peratus belia bertindak melakukan kerja-kerja sambil bagi mengukuhkan kedudukan kewangan mereka. Langkah bijak ini seharusnya dilakukan oleh setiap belia di Malaysia memandangkan keadaan ekonomi diri atau keluarga yang majoritinya berada pada tahap membimbangkan.

Kajian turut mendapati bahawa majoriti belia yang berusia 15 hingga 28 tahun yang berada dalam kumpulan generasi Y belum merasakan tekanan hidup khususnya dari segi kesempitan kewangan kerana mereka masih menuntut sama ada di sekolah menengah atau di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Urusan kewangan mereka lebih bergantung kepada keluarga atau institusi pinjaman pelajaran. Bagi belia yang tergolong dalam kumpulan generasi X (berusia antara 29 hingga 40 tahun), pengurusan kewangan lebih mendesak. Kajian menunjukkan bahawa belia yang mula memasuki alam pekerjaan akan memberi keutamaan kepada pembelian kenderaan dan lebih dari 30 peratus menyatakan bahawa bayaran ansuran kenderaan tersebut membebankan. Bagi generasi X tanpa mengira jumlah pendapatan biasanya mempunyai beberapa komitmen kewangan seperti bayaran sewa rumah, bayaran ansuran kenderaan, penyelenggaraan kenderaan, bayaran pinjaman pelajaran, bayaran kad kredit, bayaran ansuran perabot, bayaran pinjaman peribadi melangsungkan perkahwinan dan berbagai-bagai komitmen kewangan menyebabkan mereka tidak mampu untuk menabung.

Bebanan kewangan juga turut menyebabkan cita-cita memiliki kediaman menjadi kurang utama dan



kebanyakan generasi X membeli rumah selepas berusia 35 tahun akibat gagal menabung bagi menyediakan bayaran pendahuluan pembelian kediaman. Pengumuman oleh kerajaan semasa Bajet 2015, Skim Perumahan Belia (Youth Housing Scheme) telah mendapat sambutan sebagai satu suntikan semangat untuk membentuk keluarga yang lebih sempurna. Skim ini adalah secara perkongsian pintar antara kerajaan, Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Cagamas. Skim ini juga turut menawarkan pemilikan rumah pertama yang bernilai tidak melebihi 500 ribu ringgit dan Subsidi kerajaan RM200 sebulan untuk belia membayar ansuran rumah bagi tempoh 2 tahun pertama. Skim ini juga khusus kepada belia yang telah berkahwin berumur di antara 25 hingga 40 tahun serta mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi 10 ribu ringgit dengan tempoh pembiayaan maksimum selama 35 tahun. Di samping itu terdapat pengecualian sebanyak 50 peratus duit setem ke atas surat pindah milik dan perjanjian pinjaman. Secara tidak langsung, generasi belia perlu memulakan transformasi diri untuk berubah dan memberi keutamaan kepada pengurusan kewangan diri untuk kehidupan yang lebih sejahtera dalam mengharungi cabaran pengurusan ekonomi yang semakin mencabar.

## Penglibatan Belia dalam Koperasi di Malaysia

Mutakhir ini, isu berkaitan dengan kos sara hidup semakin hangat diperkatakan dan diperdebatkan. Kesan kenaikan kos sara hidup lebih memberi implikasi terutama kepada golongan belia memandangkan usia belia merupakan fasa pembentukan kehidupan yang paling mencabar. Hakikatnya, gerakan koperasi di Malaysia merupakan salah satu penyumbang dalam pembangunan ekonomi negara dalam pelbagai sektor ekonomi seperti perkhidmatan, pemborongan dan peruncitan, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, pertanian dan industri asas tani, perladangan dan pembangunan hartanah. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh SKM sehingga Disember 2014, terdapat sejumlah 11,871 koperasi dengan seramai 7,409,547 anggota. Dari tahun 2012 hingga 2014 terdapat peningkatan yang signifikan dari segi bilangan koperasi, dan jumlah aset koperasi iaitu dari RM100.40 bilion kepada RM116.78 bilion. Angka-angka ini menunjukkan bahawa sumbangan gerakan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tidak harus dipandang ringan, malahan kerajaan menjadikan sektor koperasi ketiga terpenting selepas sektor awam dan swasta dalam menjana ekonomi negara. Hal ini merupakan kekuatan kepada gerakan koperasi untuk mengukuhkan peranannya dalam membantu menggerakkan ekonomi negara.

Namun, penglibatan belia di negara ini dalam sektor koperasi masih lagi rendah. Statistik SKM menunjukkan sehingga 30 September 2014 hanya terdapat 165 koperasi belia di Malaysia dengan keanggotaan seramai 25,600 orang. Oleh itu, belia di negara ini harus bangkit dan sedar bahawa peranan mereka amat diperlukan untuk meneruskan kesinambungan terhadap kejayaan dan pencapaian sektor koperasi di negara ini seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang membanggakan di mata dunia. Sehubungan itu, masyarakat terutama golongan belia di Malaysia perlu merebut peluang tersebut dalam membangunkan



ekonomi rakyat khususnya di kawasan luar bandar. Aktiviti berkoperasi harus diwujudkan di peringkat pertubuhan belia mengikut kawasan masing-masing demi menjamin pertubuhan koperasi selaras dengan kehendak golongan belia agar dapat menjana ekonomi dalam kalangan belia-belia di daerah masing-masing. Satu pertubuhan belia, satu koperasi perlu diwujudkan segera. Penglibatan belia dalam sektor koperasi juga dapat mengurangkan masalah sosial secara tidak langsung menerusi aktiviti dan projek yang menjana ekonomi yang diceburi seperti pertanian, perladangan, pelancongan, penternakan, perkhidmatan, perindustrian dan sebagainya. Peluang sebegini bukan sahaja memberi impak kepada golongan belia bahkan masyarakat setempat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, 2014 turut melaporkan bahawa kadar belia berumur 25 tahun ke bawah yang diisytiharkan bankrap di negara ini amat membimbangkan. Seramai 579 orang individu telah direkodkan muflis dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2014. Jumlah ini telah mengalami peningkatan berbanding 208 individu tahun 2013 dan 130 individu pada tahun 2012. Keadaan ini amat membimbangkan memandangkan kehidupan yang semakin mendesak, maka belia perlu merancang perbelanjaan dan mampu menjana pendapatan negara. Justeru gejala ini dapat dikurangkan jika golongan belia berani mengorak langkah dan merebut peluang untuk menceburi aktiviti berkoperasi yang mampu menjana ekonomi belia dan penduduk setempat. Pihak kerajaan perlu memandang serius dalam membantu golongan belia yang ingin menubuhkan koperasi kerana bukan hanya mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat



di negara ini malah membantu membangunkan ekonomi rakyat khususnya di kawasan luar bandar.

Penyertaan golongan belia dalam koperasi adalah selaras dengan teras strategik keempat DKN, 2011-2020 iaitu meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi bagi memastikan gerakan koperasi terus diterima dan disertai masyarakat setempat. Maka penubuhan koperasi belia mampu menjadi sebuah organisasi perniagaan lebih berdaya saing dengan menjana pendapatan besar, sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup golongan belia. Data menunjukkan penglibatan belia dalam koperasi kini masih lagi rendah. Oleh itu, belia di negara ini harus bangkit dan sedar bahawa peranan mereka amat diperlukan untuk meneruskan kesinambungan terhadap kejayaan dan pencapaian sektor koperasi di negara ini seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang membanggakan di mata dunia. Maka, semua kumpulan masyarakat terutama golongan belia perlu merebut peluang untuk memperkayakan ilmu tentang keusahawanan melalui koperasi agar dapat bersama-sama menyumbang bukan sahaja keluarga kita, malah kepada masyarakat dan negara ini.

### Memperkasa Ekonomi Belia Menerusi Koperasi

Pembangunan ekonomi ditekankan kepada belia bagi mewujudkan belia yang bertanggungjawab, berdikari serta berupaya menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara. Bagi memperkasa dan menjana semula

ekonomi belia melalui aktiviti berfaedah dan dapat menarik minat golongan belia untuk menyertai koperasi, maka tanggungjawab pembangunan belia bukan hanya terletak pada kerajaan semata-mata. Ia juga boleh digerakkan melalui kepemimpinan setempat. Aktiviti keilmuan seperti kursus kepimpinan kemahiran dan keusahawanan perlu dipertingkatkan. Kerajaan menggalakkan pertubuhan belia di setiap negeri untuk bergabung sekali gus memperkasakan koperasi sedia ada yang dilihat dapat meningkatkan ekonomi golongan muda. Koperasi yang diterajui oleh persatuan belia itu perlu diperkasakan bertujuan untuk menjana modal dan meningkatkan ekonomi bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Masalah yang sering dihadapi oleh setiap pertubuhan belia adalah masalah kewangan, namun tiada modal malah memerlukan sumbangan dan bantuan daripada pelbagai pihak. Justeru, jika pertubuhan belia di setiap negeri mengorak langkah menubuhkan satu koperasi maka mereka boleh menjana ekonomi dan mendapatkan modal tanpa perlu meminta pertolongan daripada mana-mana pihak.


Aktiviti berkoperasi dalam kalangan belia merupakan platform yang berkesan dalam usaha mendekati belia dalam gerakan koperasi dan sekali gus memberi kesedaran kepada golongan tersebut bahawa banyak peluang kerjaya boleh diwujudkan menerusi koperasi. Selain itu, pendekatan memperkasakan ekonomi belia menerusi berkoperasi merupakan jentera ekonomi yang terbaik dalam mewujudkan keseimbangan pengagihan kekayaan ekonomi negara secara saksama. Ini juga dapat diperkukuhkan lagi menerusi perkara berikut:

- i. Meningkatkan taraf sosioekonomi golongan belia melalui koperasi dengan menjadi pemangkin serta sumber sokongan kepada para anggota.
- ii. Memajukan koperasi dalam sektor ekonomi penduduk setempat terutama di luar bandar secara progresif dan terancang.

- iii. Membangunkan golongan belia yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan, kerjaya, kemahiran dan inovasi.
- iv. Melahirkan lebih ramai belia inovatif yang impaknya akan berterusan dalam menyemai generasi pelapis yang cemerlang.
- v. Menyemarakkan agenda pembangunan belia dengan membantu belia di setiap negeri supaya lebih agresif, proaktif dan inovatif dalam memainkan peranan selaku peneraju negara masa hadapan
- vi. Mengurangkan kadar kemiskinan dan mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

### Kesimpulan

Koperasi berperanan dalam memperkasakan ekonomi belia mampu menyuntik semangat dalam usaha memperkasakan golongan belia. Ia juga bertepatan dengan usaha dan komitmen kerajaan untuk menggalakkan penyertaan belia terutama di

luar bandar untuk berkoperasi. Generasi belia perlu memupuk minat yang mendalam terhadap koperasi dengan penyertaan lebih aktif dan giat lagi pada masa akan datang untuk melahirkan koperasi belia yang mampu menyumbang 10 peratus daripada sumbangan koperasi dalam pendapatan negara. Selain itu, golongan belia merupakan pelapis masa depan serta penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Koperasi turut menjadi ejen penting dalam menyatupadukan rakyat menerusi konsep keuntungan bersama yang boleh memberi impak positif terhadap sistem sosial dan komuniti setempat serta menghasilkan perpaduan yang erat. Semoga generasi belia di Malaysia dilihat sebagai generasi muda yang lebih matang dan bijak merancang perbelanjaan dan membuat pemilihan alternatif dalam usaha berjimat cermat. Para belia harus berani mempelopori koperasi agar hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah Negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 akan tercapai. Tindakan ini juga membolehkan belia di Malaysia dapat memiliki aset yang lebih bernilai untuk jangka masa yang panjang. 

### Rujukan

Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (2006). Apa yang anda perlu tahu?.Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Belia berhutang. (2014,November).*Generasi Pengguna Bil.31*.

Jabatan Perangkaan Malaysia.(2015). Dicapai daripada <http://www.statiscs.gov.my>.

Koperasi Penyumbang Kestabilan Ekonomi.(2013, Oktober 17).*Utusan Malaysia*.

Mohd Rizal Mohd Sham (2014). Membangun program transformasi belia negara: Bajet 2015. *Buletin Fakta Belia Institut Penyelidikan Pembangunan Edisi 4/2014*.

Shariffah Mamat.(2011). Literasi Kewangan Belia. *Buletin Fakta Belia Institut Penyelidikan Pembangunan Edisi 1/4 2011*.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia.(2015). Dicapai daripada <http://www.skm.gov.my>.

Zulaini Ismail. (2015, September).Sektor Koperasi Negara Berdaya saing Dewan Ekonomi. *Dewan Ekonomi*.